

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN – BN]**

TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)

SOALAN (NO. 19)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan projek perintis sukan yang dilaksanakan bagi menghasilkan atlet yang berprestasi tinggi dan mampu bersaing di arena antarabangsa.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah melaksanakan pelbagai program perintis pembangunan atlet-atlet muda sejak tahun 1990an lagi. Di antara program-program perintis tersebut adalah Program Tunas Cemerlang, Program Bakat Kebangsaan dan Program Lapan Sukan Teras dan pelbagai program pembangunan yang lain. Program pembangunan tersebut diberi penambahbaikan melalui pelaksanaan Program Pelapis mulai tahun 2007. Program ini merupakan salah satu projek dalam usaha kerajaan untuk melahirkan lebih ramai atlet-atlet remaja yang berbakat bagi peringkat umur 7 – 23 tahun bagi 19 jenis sukan utama hingga menjadi atlet-atlet berprestasi tinggi dan mampu bersaing di arena antarabangsa. Melalui pelaksanaan program ini, sebanyak 295 buah pusat latihan telah ditubuhkan dengan seramai 507 orang jurulatih bertauliah sedang melatih seramai 8218 orang atlet di peringkat kebangsaan, serantau dan juga negeri.

2. Keberkesanan program tersebut dapat dilihat melalui penyerapan 261 atlet Pelapis ke Program Elit. Bagi tahun 2014 sahaja, seramai 42 atlet Pelapis telah berjaya diserapkan ke dalam Program Elit 2015. Antara atlet-atlet yang sudah berjaya mengharumkan negara hasil dari program pelapis terdahulu adalah seperti Pandelela Rinong, Mohd Azizulhasni Awang, Khairul Anuar Mohamad, Fatehah Mustapa dan Hafifi Mansor.

3. Atlet-atlet Pelapis yang sedang meningkat naik ketika ini telah membantu kontinjen negara dalam Sukan SEA di Myanmar 2013 dengan menyumbangkan 9 pingat emas, 6 pingat perak dan 15 pingat gangsa. Atlet angkat berat Pelapis Kebangsaan iaitu Zulhilme Mohd Pisol juga turut menyumbangkan satu pingat perak bagi sukan angkat berat di temasya Sukan Komanwel Glasgow 2014.
4. Di samping itu, Kementerian telah melaksanakan Program Jangka Panjang T20 (Team 2020) pada Januari 2014 dengan penglibatan sebanyak 13 jenis sukan (17 disiplin). Seramai 663 orang atlet menjalani latihan secara sambilan di pusat-pusat latihan negeri.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. ²⁰ ~~21~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]

TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)

SOALAN :

YB Dato' Seri Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah hasil utama pertemuan dengan Presiden Indonesia Joko Widodo termasuk penyelesaian berkaitan isu pencerobohan nelayan.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, TYT Joko Widodo (Jokowi) telah mengadakan Lawatan Negara ke Malaysia dari 5 hingga 7 Februari 2015. Lawatan Negara TYT Jokowi ini merupakan lawatan dua hala pertama beliau semenjak dilantik sebagai Presiden Indonesia Ke-7 pada 20 Oktober 2014. Lawatan Negara TYT Jokowi ke Malaysia mencerminkan komitmen kedua-dua buah negara untuk terus memperkuuh hubungan dan kerjasama dua hala antara Malaysia dan Republik Indonesia.

Lawatan ini juga telah membuka peluang kepada Perdana Menteri dan TYT Jokowi untuk berbincang dan bertukar-tukar pendapat mengenai hubungan dua hala Malaysia-Indonesia dan penyelesaian isu-isu yang tertunggak. Antara isu dua hala yang telah dicapai persetujuan adalah mengenai pembatasan sempadan maritim. Perdana Menteri dan TYT Jokowi telah bersetuju supaya rundingan dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu melalui kerangka Mesyuarat Teknikal Pembatasan Sempadan Maritim di antara Malaysia dan Indonesia dan pelantikan perunding khas untuk pembatasan sempadan maritim di Laut Sulawesi. Mekanisme perunding khas ini adalah secara *exploratory* dan tidak mengikat kedua-dua pihak. Rundingan formal akan diadakan sekiranya cadangan penyelesaian politik diterima oleh Kerajaan dan rakyat kedua-dua negara.

Berhubung *MoU in Respect of the Common Guidelines Concerning Treatment of Fishermen by Maritime Law Enforcement Agencies* yang ditandatangani pada tahun 2012, Perdana Menteri dan TYT Jokowi telah bersetuju untuk melaksanakan *Standard Operating Procedure* mengenai isu nelayan-nelayan dari kedua-dua negara yang memasuki kawasan persempadanan bertindih. Nelayan-nelayan yang memasuki kawasan persempadanan bertindih akan hanya diusir, sekiranya mereka memasuki perairan wilayah Malaysia atau Indonesia, nelayan-nelayan tersebut adalah tertakluk kepada tindakan di bawah undang-undang tempatan yang berkuatkuasa.

Perdana Menteri dan TYT Jokowi juga telah menyentuh mengenai pengambilan Pembantu Domestik Indonesia (PDI). Dalam hal ini, Perdana Menteri dan TYT Jokowi telah mengarahkan Menteri-Menteri Malaysia dan Indonesia yang berkenaan untuk berbincang dengan lebih lanjut agar pengambilan PDI ini adalah melalui satu saluran sahaja.

Perdana Menteri dan TYT Jokowi juga telah bersetuju untuk meneruskan usaha meningkatkan perdagangan dua hala agar sasaran jumlah dagangan dua hala sebanyak USD30 bilion dapat dicapai pada tahun-tahun akan datang. Perdana Menteri juga telah menyatakan harapan beliau kepada TYT Jokowi supaya kerajaan pimpinannya akan melindungi pelaburan Malaysia di Indonesia. Perdana Menteri juga telah mengalu-alukan lebih banyak pelaburan dari Indonesia.

TYT Jokowi pula telah menyatakan hasrat untuk menjemput pelabur-pelabur Malaysia untuk meneroka peluang-peluang pelaburan dalam sektor infrastruktur seperti pembinaan lebuh raya bertol, pelabuhan, landasan keretapi, lapangan terbang dan loji jana kuasa.

TYT Jokowi juga telah menyatakan sokongan kepada Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2015. Perdana Menteri telah membangkitkan cadangan mengadakan Zon Waktu Seragam ASEAN di ibu negara-ibu negara ASEAN dan TYT Jokowi bersetuju supaya cadangan ini diperhalusi oleh Menteri-Menteri Luar Negeri dan Perdagangan kedua-dua negara.

Sekian. Terima kasih.